

## PENEROKAAN APPS AL-QURAN INTERAKTIF: KAJIAN TINJAUAN DALAM KALANGAN PELAJAR FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH USIM

Omar Bin Abdul Shukor

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

E-mail: [omar.shukor@raudah.usim.edu.my](mailto:omar.shukor@raudah.usim.edu.my)

Mohd Zikril Hakim Bin Mohd Rasidi

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

E-mail: [hzikril7@raudah.usim.edu.my](mailto:hzikril7@raudah.usim.edu.my)

Sayyed Ezzat Khairy Bin Syed Mohammad Hilmi

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

E-mail: [sayyed\\_ezzat13@raudah.usim.edu.my](mailto:sayyed_ezzat13@raudah.usim.edu.my)

Mohd Zahir Abdul Rahman

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

E-mail: [zahir@usim.edu.my](mailto:zahir@usim.edu.my)

### ABSTRAK

Aplikasi al-Quran secara percuma mahupun berbayar dilihat signifikan dalam konteks digitalisasi kehidupan beragama khususnya bagi pelajar Fakulti Pengajian Islam. Namun, sejauh mana impak penggunaan aplikasi dan software ini terhadap pelajar Pengajian Quran Sunnah di USIM. Lantaran itu kajian ini bertujuan untuk meneroka aplikasi al-Quran yang sering digunakan oleh Pelajar FPQS serta menganalisis kepuasan dan impaknya terhadap pembacaan al-Quran. Kajian menggunakan kaedah pemerhatian serta kaji selidik kepada 20 orang para pelajar FPQS. Hasil kajian menunjukkan terdapat ciri mesra pengguna seperti butang penekan yang menarik, koleksi bacaan imam, dan juga komentar yang positif dalam ruang komen. Penggunaan aplikasi al-Quran dilihat memberi impak positif terhadap pemahaman agama, namun terdapat kebimbangan mengenai hak cipta dan kelestarian perniagaan. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan kepentingan pemilihan yang bijak dalam penggunaan ciri khas aplikasi al-Quran serta memperbincangkan implikasinya dalam konteksnya kepada pelajar Pengajian Islam.

**Kata Kunci:** aplikasi al-quran, penerokaan software, rakyat Malaysia.

### 1. Pengenalan

Kajian ini menyelusuri perhubungan antara tradisi dan teknologi terkini merangkumi penerokaan aplikasi al-Quran interaktif dengan tujuan meninjau dalam kalangan pelajar fakulti pengajian Quran dan Sunnah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Penerokaan teknologi dalam pendidikan agama telah menunjukkan perkembangan yang pesat, terutamanya dalam penggunaan aplikasi interaktif untuk mempelajari al-Quran. Kajian ini bertujuan untuk meninjau penggunaan dan impak aplikasi al-Quran interaktif dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah di USIM. Aplikasi ini menawarkan pelbagai ciri seperti tafsir, tajwid, dan terjemahan dalam bentuk yang mudah diakses melalui peranti digital, menjadikannya alat pembelajaran yang berkesan dan menarik. Pelajar di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM yang mempunyai latar belakang akademik yang kukuh dalam ilmu Al-Quran, menjadi subjek kajian ini untuk memahami sejauh mana mereka menggunakan dan mendapat manfaat daripada teknologi ini. Kajian ini akan mengkaji aspek-aspek seperti kefahaman terhadap kandungan Al-Quran melalui aplikasi, serta kepuasan pengguna terhadap ciri-ciri interaktif yang disediakan.

Perkembangan teknologi pendidikan serta pemahaman terhadap impak aplikasi al-Quran interaktif penting dalam merancang strategi pengajaran yang lebih efektif. Kajian ini diharapkan dapat memberikan pandangan yang berharga tentang bagaimana aplikasi ini dapat mempertingkatkan

pengalaman pembelajaran Al-Quran, serta mengenalpasti cabaran dan peluang yang wujud dalam penggunaan teknologi digital dalam pengajian agama.

## 2. Permasalahan kajian

Dalam era digital yang semakin maju, pelbagai aplikasi al-Quran interaktif telah dibangunkan untuk membangun pengguna memahami dan mendalami isi kandungan al-Quran dengan lebih efektif. Walaupun aplikasi ini menawarkan pelbagai ciri yang canggih dan lebih efektif, terdapat beberapa permasalahan yang perlu dikaji untuk memastikan keberkesanan dan penerimaan pengguna, terutamanya dalam kalangan pelajar yang mendalami ilmu Al-Quran. Antara permasalahan utama kajian ini ialah:

- Tahap penggunaan dan pengetahuan teknologi
- Kesan terhadap pemahaman al-Quran
- Keberkesanan ciri-ciri interaktif
- Tingkat kepuasan pengguna
- Keselarasan dengan kurikulum
- Cabaran teknologi dan aksesibiliti

Dengan mengkaji permasalahan ini, kajian ini memberikan gambaran yang komprehensif berkaitan penggunaan aplikasi Al-Quran interaktif dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah di USIM, serta menyarankan penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran mereka.

## 3. Objektif kajian

1. Membandingkan ciri-ciri aplikasi al-Quran percuma dan berbayar.
2. Menganalisis kepuasan pengguna, mengkaji impak penggunaan terhadap pemahaman keagamaan.
3. Menilai persepsi terhadap nilai tambah aplikasi berbayar, dan membincangkan isu etika dan ekonomi yang timbul.

## 4. Persoalan Kajian

1. Apakah perbezaan antara aplikasi Al-Quran percuma dan berbayar yang berada di pasaran.
2. Bagaimanakah kepuasan pengguna, mengkaji impak penggunaan terhadap pemahaman keagamaan.
3. Apakah persepsi terhadap nilai tambah aplikasi berbayar, dan membincangkan isu etika dan ekonomi yang timbul.

## 5. Metodologi Kajian

Untuk mengkaji secara menyeluruh penerokaan apps al-Quran interaktif kajian tinjauan dalam kalangan pelajar fakulti pengajian Quran dan Sunnah USIM, pendekatan penyelidikan kaedah campuran iaitu menggabungkan tinjauan dan analisis kuantitatif akan digunakan. Kajian menggunakan metod tinjauan secara edaran soal selidik berstruktur bagi mengukur persepsi, sikap dan pengalaman berkaitan penggunaan apps al-Quran.

Tinjauan ini akan merangkumi soalan yang berkaitan dengan perbezaan antara aplikasi Al-Quran percuma dan berbayar yang berada di pasaran, kepuasan pengguna, mengkaji impak penggunaan terhadap pemahaman keagamaan, dan persepsi terhadap nilai tambah aplikasi berbayar, dan

membincangkan isu etika dan ekonomi yang timbul. Analisis kuantitatif akan melibatkan pemeriksaan statistik respons tinjauan untuk memperoleh responden seramai 20 pelajar daripada FPQS. Aplikasi Al-Quran digunakan untuk menganalisis dan mentafsir data, membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang hubungan antara pembolehubah dan memberikan pandangan empirikal ke dalam perspektif pelajar tentang penerokaan apps al-Quran interaktif dalam pengajian al-Quran dan Sunnah di USIM. Reka bentuk penyelidikan kaedah campuran ini bertujuan untuk membuat triangulasi penemuan daripada kedua-dua respons tinjauan kualitatif dan data kuantitatif, menawarkan pemahaman yang menyeluruh tentang implikasi pelbagai aspek apps al-Quran dalam pengajian agama dalam kalangan pelajar FPQS, USIM.

## 6. Kajian Literatur

### *Pengenalan*

Kajian literatur ini merangkumi penilaian terhadap pelbagai sumber yang membincangkan penggunaan aplikasi al-Quran interaktif dalam pembelajaran, khususnya dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Literatur ini memberi tumpuan kepada tiga aspek utama: Penggunaan teknologi dalam Pendidikan agama, kesan interaktiviti dalam pembelajaran, dan cabaran serta peluang yang dihadapi dalam penggunaan aplikasi al-Quran.

### *Penggunaan Teknologi dalam Pendidikan Agama*

- Teknologi dan Pendidikan Islam: menurut kajian oleh Rahim dan Mustaffa (2018), integrasi teknologi dalam pendidikan Islam telah menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam memudahkan akses kepada ilmu agama. Penggunaan aplikasi mudah alih, termasuk aplikasi al-Quran, telah menjadi alat yang popular di kalangan pelajar untuk mendalami ilmu agama secara lebih dinamik dan fleksibel.
- Aplikasi al-Quran: Aplikasi al-Quran interaktif menawarkan pelbagai fungsi tafsir, tajwid dan terjemahan dalam pelbagai Bahasa. Kajian oleh Nasir et al. (2020) menunjukkan bahawa aplikasi ini membantu pengguna untuk memahami Al-Quran dengan lebih baik melalui ciri-ciri seperti audio bacaan, panduan tajwid interaktif, dan nota tafsir.

### *Kesan interaktiviti dalam Pembelajaran*

- Pembelajaran Interaktif: Menurut Mayer (2014), pembelajaran yang melibatkan elemen interaktif cenderung meningkatkan kefahaman dan ingatan jangka panjang pelajar. Ini disebabkan oleh keterlibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran yang meningkatkan motivasi dan minat.
- Penggunaan Aplikasi dalam Pendidikan: Kajian oleh Aisyah dan Zainuddin (2019) mendapati bahawa pelajar yang menggunakan aplikasi Al-Quran interaktif menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam kefahaman mereka terhadap kandungan Al-Quran berbanding dengan pelajar yang menggunakan kaedah pembelajaran tradisional. Elemen interaktif dalam aplikasi ini, seperti animasi dan kuiz, membantu memperkukuhkan pembelajaran.

### *Cabaran dan Peluang dalam Penggunaan Aplikasi Al-Quran:*

- **Cabaran Teknologi:** Walaupun aplikasi Al-Quran interaktif menawarkan banyak kelebihan, kajian oleh Ahmad dan Ibrahim (2021) menunjukkan bahawa terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh pengguna, termasuk masalah teknikal seperti aplikasi yang tidak stabil dan kesukaran dalam mengakses kandungan tanpa sambungan internet.

- **Kepuasan Pengguna:** Kajian oleh Ali et al. (2022) menyatakan bahawa kepuasan pengguna terhadap aplikasi ini bergantung kepada kebolehgunaan dan reka bentuk antaramuka yang mesra pengguna. Pelajar melaporkan bahawa aplikasi yang mudah digunakan dan mempunyai reka bentuk yang menarik meningkatkan pengalaman pembelajaran mereka.
- **Peluang untuk Penambahbaikan:** Kajian-kajian sebelum ini juga menyarankan beberapa penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk meningkatkan keberkesanan aplikasi Al-Quran interaktif, seperti integrasi dengan bahan pembelajaran lain dan peningkatan ciri-ciri interaktif yang lebih mendalam (Rashid & Samad, 2023).


Kesimpulannya, kajian literatur menunjukkan bahawa aplikasi al-Quran interaktif mempunyai potensi besar dalam memperkaya pembelajaran Al-Quran, terutamanya dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk penambahbaikan berterusan untuk mengatasi cabaran teknikal dan meningkatkan kepuasan pengguna. Kajian ini dalam konteks Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah di USIM.

## 7. Perbincangan dan Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini tertumpu kepada pelajar universiti awam iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang majoritinya beragama Islam. Kajian yang dijalankan ini melibatkan 20 responden pelajar dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah yang bertujuan untuk mengetahui impak apps al-quran dalam bidang pengajian Quran dan Sunnah. Soal selidik yang dijalankan adalah melalui platform Google Form yang terdiri daripada 8 soalan yang berkait dengan objektif kajian.

### *Latar Belakang Responden.*


Jantina  
20 responses



**Rajah 1: Jantina Responden.**

Umur

20 responses



**Rajah 2: Umur Responden.**


**Jadual 1: Latar Belakang Responden**

Bil	Perkara	Kategori	Kekerapan	Peratus%
1.	Jantina	Lelaki	15	75%
		Perempuan	5	25%
2.	Umur	20-22	14	
		23-24	6	
<b>Jumlah Responden</b>			<b>40</b>	<b>100</b>

**Tahap Kesedaran Tentang Penggunaan Apps Al-Quran Interaktif Dalam Kajian Quran Dan Sunnah.**

Tahap Kesedaran Tentang Penggunaan Apps Al-Quran Interaktif Dalam Kajian Quran Dan Sunnah

20 responses




**Rajah 3: Tahap Kesedaran Tentang Penggunaan Apps Al-Quran Interaktif Dalam Kajian Quran Dan Sunnah**

Rajah 3 menunjukkan peratusan responden tentang Tahap kesedaran tentang penggunaan Apps Al-Quran interaktif dalam kajian Quran dan Sunnah. Daripada 20 orang responden, sebanyak 5% yang mewakili 2 orang pelajar menyatakan tidak sedar, 20% yang mewakili 4 orang pelajar menyatakan tidak pasti, 50% mewakili 10 orang pelajar yang menyatakan sedar dan 25% orang pelajar menyatakan sangat sedar terhadap penggunaan Kecerdasan Buatan dalam kajian yang dijalankan.

Kesimpulan keseluruhan kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar responden berada pada tahap sedar terhadap penggunaan Kecerdasan Buatan dalam kajian Quran dan Sunnah. Ini boleh menandakan bahawa masih terdapat ruang untuk meningkatkan pemahaman mereka melalui pendedahan. Hasil ini memberikan gambaran tentang sejauh mana penggunaan aplikasi.

### ***Penggunaan Apps Al-Quran Dapat Meningkatkan Pemahaman Terhadap Ayat Quran***

Penggunaan Apps Al-Quran Dapat Meningkatkan Pemahaman Terhadap Ayat Quran  
20 responses



### **Rajah 4: Penggunaan Apps Al-Quran Dapat Meningkatkan Pemahaman Terhadap Ayat Quran.**

Rajah 4 menunjukkan peratusan responden tentang penggunaan apps al-quran dapat meningkatkan pemahaman terhadap ayat quran. Daripada 20 orang responden, 10% mewakili 2 orang responden memilih tidak pasti dan percaya bahawa penggunaan apps al-quran dapat meningkatkan pemahaman terhadap ayat quran. Manakala sebanyak 50% mewakili 10 orang pelajar menyatakan mereka setuju terhadap penggunaan apps al-quran dapat meningkatkan pemahaman terhadap ayat quran dan hanya 40% mewakili 8 orang responden yang pada tahap sangat setuju sejauh mana apps al-quran dapat meningkatkan kefahaman mereka.

Sebagai agama yang selaras dengan setiap zaman dan tempat, Islam sebenarnya menyokong perkembangan teknologi tanpa batasan. Sebaliknya, Islam mendukung kemajuan teknologi, termasuk teknologi aplikasi al-quran, kerana dapat membantu menyebarkan ajaran agama Islam di masa depan. Islam tidak menolak perkembangan zaman, sebaliknya, menyadari bahwa menolak kemajuan teknologi dapat membawa kemunduran.


Walaupun begitu, penggunaan apps al-quran ini harus diawasi agar tidak menimbulkan bahaya bagi umat Islam. Jika digunakan oleh pihak yang tidak bertanggung jawab, Apps ini dapat menjadi alat yang berbahaya. Ia dapat digunakan untuk menyebarkan ajaran yang menyimpang atau radikal, dan

berbagai kemungkinan lainnya. Oleh karena itu, kemajuan apps yang pesat harus diimbangi dengan kebijaksanaan dan kecerdasan dalam penerapannya, tetapi tetap berakar pada ajaran Islam.

***Pengalaman Dalam Menggunakan Apps Al-Quran Berbanding Dengan Membaca Al-Quran Secara Fizikal***

Pengalaman Dalam Menggunakan Apps Al-Quran Berbanding Dengan Membaca Al-Quran Secara Fizikal

20 responses



**Rajah 5: Pengalaman Dalam Menggunakan Apps Al-Quran Berbanding Dengan Membaca Al-Quran Secara Fizikal**


Rajah 5 menunjukkan peratusan responden tentang pengalaman dalam menggunakan apps al-quran berbanding dengan membaca al-quran secara fizikal. Menggunakan apps al-quran berbanding dengan membaca al-quran secara fizikal menjadi sebagai platform yang cukup diminati dalam kalangan pelajar. Di antara 20 responden yang dikaji, 45% yang ketara terdiri daripada 9 individu menyatakan persetujuan berhubung keberkesanan menggunakan apps al-quran berbanding membaca al-quran secara fizikal. Kecenderungan ke arah memanfaatkan apps al-quran ini mengakui terhadap potensi teknologi untuk membantu dalam memahami dengan cepat tentang ayat-ayat dalam al-quran.

Sebaliknya, hanya 5% responden yang terdiri daripada 1 pelajar yang pada tahap tidak baik dengan pengalaman dalam menggunakan apps al-quran berbanding dengan membaca al-quran secara fizikal ini. Perbezaan pendapat mereka mungkin berpunca daripada kebimbangan tentang kesahihan dan kefahaman yang bertentangan dengan ayat al-quran tersebut dan kefahaman ulama, maka ini menimbulkan keraguan terhadap keupayaan AI untuk menulis ayat quran ini.

Selain itu, 40% (8 responden) kekal tidak pasti tentang sejauh mana App al-quran boleh menyumbang kepada domain ini. Ketidakpastian ini mungkin mencerminkan pendirian berhati-hati, mengakui kedua-dua kemungkinan dan batasan apps dalam menafsir Al-quran dengan konteks yang sahih. Pelbagai sudut pandangan yang diperoleh dalam kalangan responden menunjukkan kerumitan penyepaduan apps al-quran ke dalam analisis dan tafsiran ayat al-quran, maka ini mempamerkan spektrum perspektif yang memerlukan penerokaan dan perbincangan lanjut dalam bidang pengajian agama dan kemajuan teknologi.

### Tahap Kesukaran Semasa Menggunakan Apps Al-Quran

Tahap Kesukaran Semasa Menggunakan Apps Al-Quran.  
20 responses




**Rajah 6: Tahap Kesukaran Semasa Menggunakan Apps Al-Quran.**

Rajah 6 menunjukkan peratusan responden tentang tahap kesukaran semasa menggunakan apps al-quran. Daripada 20 responden yang dikaji, terdapat persetujuan yang kukuh tentang tentang tahap kesukaran semasa menggunakan apps al-quran ini. Majoriti besar, 40% atau 8 individu, memandang positif dalam menggunakan apps al-quran ini. Sokongan meluas ini mencerminkan pengakuan potensi kelebihan apps, seperti meluaskan atau meningkatkan pemahaman dan analisis ayat al-quran.

Secara keseluruhannya, Aplikasi Al-Quran memberikan akses yang mudah kepada teks suci Al-Quran di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa melalui peranti mudah alih seperti telefon pintar atau tablet. Ini membolehkan pengguna membaca Al-Quran tanpa perlu membawa salinan fizikal yang besar dan berat. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa aspek pengalaman membaca Al-Quran secara fizikal yang tidak dapat digantikan oleh aplikasi iaitu tradisi dan budaya, Bagi sesetengah masyarakat, membaca Al-Quran secara fizikal merupakan sebahagian daripada tradisi dan budaya yang penting, yang memberi nilai tambah kepada pengalaman keagamaan mereka.

### Penggunaan Apps Al-Quran Lebih Mudah Berbanding Al-Quran Secara Fizikal

Penggunaan Apps Al-Quran Lebih Mudah Berbanding Al-Quran Secara Fizikal  
20 responses



**Rajah 7: Penggunaan Apps Al-Quran Lebih Mudah Berbanding Al-Quran Secara Fizikal**




Maklumat yang diberikan pada rajah 7 ini menunjukkan perbezaan yang ketara dari sebahagian besar responden terhadap penggunaan apps Al-Quran lebih mudah berbanding Al-Quran secara fizikal. Dari 20 responden, 75% menyatakan penggunaan apps Al-Quran lebih digunakan, ini menunjukkan bahawa penggunaan apps Al-Quran memberi kemudahan selain daripada penggunaan Al-Quran fizikal. Sedangkan 25% responden tidak setuju tentang apps Al-Quran lebih mudah berbanding Al-Quran secara fizikal. Ini mungkin boleh dilihat jika berkemungkinan apps Al-Quran yang mempunyai beberapa halangan untuk mengakses terus apps Al-Quran tersebut.

Dalam era kotemporari ini amat bergantung pada teknologi, namun masyarakat juga tidak boleh menolak terhadap kemudahan dalam penggunaan Al-Quran secara fizikal. Sesetengah masyarakat berpendapat bahawa penggunaan apps Al-Quran sangat mudah untuk digunakan di serata tempat tetapi ada sesetengah masyarakat yang kurang akan teknologi lebih gemar akan Al-Quran fizikal. Secara kesimpulannya, penggunaan antara apps Al-Quran mahupun Al-Quran fizikal kedua-duanya boleh digunakan selagi mana ia tidak lari dari ayat sebenar yang ada dalam Al-Quran.

### ***Kerelevanan Terhadap Integrasi Apps Al-Quran Dalam Aplikasi Atau Platform Pembelajaran Quran Dan Sunnah***

Kerelevanan Terhadap Integrasi Apps Al-Quran Dalam Aplikasi Atau Platform Pembelajaran Quran Dan Sunnah

20 responses



### **Rajah 8: Kerelevanan Terhadap Integrasi Apps Al-Quran Dalam Aplikasi Atau Platform Pembelajaran Quran Dan Sunnah.**

Kajian pada rajah 8 ini mendedahkan trend yang ketara ke arah penerimaan aplikasi Al-Quran, dengan 3 orang responden bersamaan 15% memilih sangat setuju dan 10 bersamaan 50% orang responden menyatakan persetujuan terhadap kerelevanan terhadap intergrasi apps Al-Quran dalam platform pembelajaran Al-Quran dan Sunnah mereka. Sebaliknya, terdapat 35% responden iaitu sebanyak 7 orang responden menunjukkan ketidakpastian untuk menggunakan aplikasi Al-Quran dalam pembelajaran mereka.


Menggunakan teknologi moden untuk meningkatkan pendidikan agama adalah sesuatu yang diminati oleh masyarakat, tetapi ada yang meragunya kerana kepercayaan tradisional mereka atau ketidakpastian mereka tentang teknologi. Kewujudan kumpulan kecil yang menentang aliran ini menyerlahkan kepentingan menangani kebimbangan dan memberikan penjelasan untuk mendapatkan sokongan yang lebih luas. Rintangan ini boleh datang daripada pelbagai faktor seperti pertimbangan

ekonomi, akses terhadap teknologi, atau kekurangan pemahaman tentang penggunaan aplikasi AI-Quran. Aplikasi atau platform yang digunakan dalam pembelajaran AI-Quran dan Sunnah hakikatnya membawa lebih banyak manfaat yang diperolehi. Teknologi suara, misalnya, membantu pengguna terutama pelajar membaca dan menghafal ayat dengan lebih mudah. Walau bagaimanapun, adalah wajar untuk diberi perhatian bahawa kandungan yang dikemukakan oleh aplikasi atau platform ini mesti kekal mengikut norma dan nilai agama, dengan pengawasan manusia diperlukan untuk memastikan ketepatan dan pematuhan prinsip agama kerana dikhuatiri bercanggah dengan Quran dan Hadith.

### ***Kemungkinan Kesalahan Dalam Apps AI-Quran***

Kemungkinan Kesalahan Dalam Apps AI-Quran

20 responses



**Rajah 9: Kemungkinan Kesalahan Dalam Apps AI-Quran.**

Pada rajah 9 menunjukkan kemungkinan mengenai kesalahan dalam aplikasi AI-Quran yang mana pada nombor 1 ialah menunjukkan bagi tiada kesalahan dan nombor 5 menunjukkan kemungkinan banyak kesalahan. Ia dapat dilihat apabila 1 responden iaitu sebanyak 5% memilih bahawa tiada kesalahan dalam aplikasi AI-Quran. Selain itu, terdapat 7 orang responden iaitu sebanyak 35% memilih tidak pasti terhadap kesalahan dalam aplikasi AI-Quran tersebut. Majoriti responden memilih kemungkinan ada kesalahan dalam apps AI-Quran iaitu sebanyak 10 orang responden bersamaan 50% daripada responden yang ada. Walaubagaimana pun terdapat 2 orang responden bersamaan 10% telah memilih kemungkinan banyak kesalahan dalam aplikasi AI-Quran.

Penggunaan aplikasi AI-Quran amat memudahkan untuk diakses dimana sahaja namun ia juga perlu diteliti bahawa terdapat kemungkinan terdapat kesalahan yang terdapat dalam aplikasi tersebut. Namun begitu, ia tidak boleh disangkal juga bahawa aplikasi AI-Quran yang ada juga berkemungkinan tidak mempunyai kesalahan. Hal ini boleh terjadi sekiranya segala pembuatan aplikasi AI-Quran ini diselias dan disemak dengan baik supaya kesalahan dalam aplikasi tersebut dapat dielakkan. Namun, sementara aplikasi AI-Quran ini dapat menjadi alat bantu dalam pembelajaran agama, perlu dipertimbangkan juga bahawa kepekaan terhadap nilai-nilai spiritual dan konteks keagamaan sangat penting dalam penggunaan teknologi ini agar tidak mengurangkan kefahaman individu jika ia mengandungi kesalahan. Oleh sebab itu, kita mestilah peka dan tidak boleh meninggalkan sepenuhnya AI-Quran secara fizikal supaya dapat mengelakkan kemungkinan berlaku sebarang kesalahan yang boleh membawa kepada kesalahan bacaan dan juga perkara yang boleh membawa kemungkinan makna AI-Quran itu berubah.

## 8. Penutup

Kajian ini telah meneroka penggunaan aplikasi Al-Quran interaktif dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Dalam era digital ini, integrasi teknologi dalam pendidikan agama menjadi semakin penting untuk meningkatkan keberkesanan dan daya tarikan pembelajaran. Melalui kajian literatur dan penilaian terhadap aspek penggunaan, kefahaman, kepuasan, dan cabaran, kita dapat melihat potensi besar yang ditawarkan oleh aplikasi ini dalam memudahkan pelajar mendalami ilmu Al-Quran. Antara Aplikasi yang dikaji ialah Quran Majeed, Muslim Pro dan Quran by Quran.com. Aplikasi ini dikaji kerana ia diguna pakai oleh kebanyakan penduduk di seantero dunia dengan itu aplikasi ini telah tersebar luas dan memberi kesan yang positif kepada Masyarakat. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa aplikasi Al-Quran interaktif dapat memberi impak positif dalam pembelajaran, terutamanya melalui ciri-ciri interaktif yang membantu memperkukuh kefahaman pelajar terhadap tafsir, tajwid, dan terjemahan Al-Quran. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi, termasuk masalah teknikal dan isu aksesibiliti yang boleh mempengaruhi pengalaman pembelajaran. Oleh itu, adalah penting bagi pembangun aplikasi dan pihak institusi pendidikan untuk bekerjasama dalam memperbaiki dan mengoptimalkan aplikasi ini. Dengan penambahbaikan yang berterusan, aplikasi Al-Quran interaktif boleh menjadi alat yang sangat berharga dalam mempromosikan pembelajaran Al-Quran yang lebih berkesan dan menarik.

Kesimpulannya, kajian ini menyediakan asas yang kukuh untuk memahami penggunaan aplikasi Al-Quran interaktif dalam pendidikan agama dan membuka jalan bagi kajian lanjut yang dapat membantu meningkatkan penggunaan teknologi dalam pembelajaran Al-Quran. Diharapkan, penemuan dan cadangan dari kajian ini dapat memberikan sumbangan yang bermakna dalam memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM serta institusi lain yang serupa.

## 9. Rujukan

- The Effectiveness of M-Learning Al-Quran Application to Enhance Hifz Al-Quran Achievement among Tahfiz Model Ulul Albab (Tmua) Students  
Siti Mastura Baharudin, Adura Hani Abdul Hani, Nurul Fazzuan Khalid & Muhammad Zuhair Zainal  
<https://journalarticle.ukm.my/19021/1/52064-170946-1-SM.pdf>  
Tinjauan terhadap alquran digital dalam perspektif hukum islam.  
Moh. Najib Syaf  
<https://ejournal.kopertais4.or.id/tapalkuda/index.php/pwahana/article/view/4747>  
Rahim, M., & Mustaffa, S. (2018). Integrasi Teknologi dalam Pendidikan Islam: Tinjauan dan Implikasi. *Jurnal Pendidikan Islam*, 23(2), 45-57.  
Nasir, A., Aziz, N. M., & Harun, H. (2020). Penggunaan Aplikasi Al-Quran Interaktif dalam Memperkukuhkan Kefahaman Al-Quran. *Jurnal Teknologi Pendidikan*, 32(1), 15-28.  
Mayer, R. E. (2014). *The Cambridge Handbook of Multimedia Learning*. Cambridge University Press.  
Aisyah, N., & Zainuddin, A. (2019). Pengaruh Aplikasi Pembelajaran Interaktif terhadap Peningkatan Pemahaman Pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan dan Teknologi*, 41(3), 112-124.  
Ahmad, Z., & Ibrahim, F. (2021). Cabaran Penggunaan Aplikasi Al-Quran dalam Pendidikan Tinggi. *Jurnal Teknologi dan Inovasi Pendidikan*, 29(4), 89-102.  
Ali, H., Yunus, M., & Hassan, S. (2022). Kepuasan Pengguna Terhadap Aplikasi Al-Quran Digital: Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Islam Kontemporari*, 15(2), 56-67.

Rashid, A., & Samad, R. (2023). Penambahbaikan Aplikasi Al-Quran Interaktif: Cadangan dan Strategi. *Jurnal Inovasi Pendidikan Islam*, 17(1), 34-48.